

KENYATAAN MEDIA

PERUBAHAN DALAM PEGAWAI UTAMA MSM

KUALA LUMPUR, 22 JANUARI 2018 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara, mengumumkan pengosongan jawatan bagi pejabat Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (Presiden/GCEO) MSM oleh Dato' Mohamad Amri Sahari @ Khuzari.

Pengosongan jawatan itu diumumkan berikutan keputusan Dato' Mohamad Amri Sahari @ Khuzari untuk meninggalkan pekerjaannya atas dakwaan bahawa dia telah diberhentikan melalui cara yang konstruktif.

MSM menafikan dakwaan tersebut dan meminta beliau kembali bekerja mengikut terma dan syarat yang tertakluk dalam perkhidmatan beliau untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai Presiden/GCEO.

Berikutan pengesahan oleh Dato' Mohamad Amri Sahari @ Khuzari bahawa beliau tidak akan kembali bekerja, Lembaga Pengarah MSM melantik Encik Mohd Shaffie Said sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MSM berkuatkuasa hari ini.

Kini, Encik Mohd Shaffie Said memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Teknikal MSM dan Pengarah Projek bagi MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Beliau juga akan menggalas tanggungjawab Presiden/GCEO dan melapor kepada Pengarah Eksekutif MSM.

MSM akan meneruskan urusan perniagaan seperti biasa, manakala Lembaga Pengarah bersama pihak pengurusan sentiasa teguh dalam memajukan perniagaan.

-TAMAT-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

aniz.ma@msmsugar.com

Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 100 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM2.88 bilion (sehingga Disember 2017). Ia juga anak syarikat milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan pegangan saham 51%.

Secara dasarnya, MSM menjalankan operasi perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpangkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2016, MSM telah menghasilkan 1,117,010 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan sebanyak 135,160 tan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik dalam anggaran 60%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com